

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	30 September 2015

## Malaysia perlu kekalkan momentum ekonomi

**NEW YORK 29 Sept.** - Malaysia peilu mengekalkan momentum peitumbuhan ekonomi sekita enam peiatas yang dicatatkan sekarang bagi memastikan matlamatnya menjadi negaia berpendapatan tinggi dapat dicapai menjelang tahun 2020.

Peidana Menteii, Datuk Seri Najib Tun Razak yang percaya sasaran tersebut akan dapat direahsasikan menyifatkan Malaysia berada di jajaran yang betui untuk mencapai wawasan itu sungguhpun situasi ekonomi semasa tidak menentu. "Apa yang kita periu buat ialah kita kena sentiasa bersedia untuk berhadapan dengan keadaan yang beubah dan kejutan luai yang be-tada di luar kawalan kita.

"Kita mesti teius mengekalkan momentum kita yang bergerak ke hadapan," katanya pada mesyuarat tahunan Majlis Penasihat Sains dan Inovasi Giobai (GSIAC) keiima di Hotel Marriot East Side di sini semalam.

GSIAC ditubuhkan atas inisiatif Najib pada tahun 2011 dengan antaia pengasasnya ialah bekas Duta Malaysia ke Amerika Syarikat, Ailayahaiham Tan Sti Dr. Jamaluddin Jarjis yang meningga! dunia dalam nahas he-iiokoptei di Maiaysia pada 4 April iaiu.

Fungsinya adalah untuk bekei-jasama dengan tokoh-tokoh sains Amerika Syarikat dan antarabangsa bagi mentransformasikan ekonomi Malaysia dan memberinya suatu lompatan kuantum melalui piojek-piojek beisama dalam bidang sains dan inovasi.

Antara tokoh bidang sains yang tuiut hadii dalam mesyuaiait beisama Peidana Menteri di New Yoik semalam iaiah Profeso! Joseph D. Biain dari Univeisiti Harvard dan T.C. Westcott, Ketua Pegawai Eksekutif Akademi Sains New York. GSIAC disertai oleh barisan tokoh sains, industri dan koiporat dari Malaysia dan antaiaibangsa.

Mesyuarat tahunan GSIAC itu antaia iain dihadiri Penasihat Sains kepada Peidana Menteri, Tan Sri Zakri Abdul Hamid; Menteri Sains, Teknoigi dan Inovasi, Datuk Ma-di-us Tangau; Menteri Pendidikan Tinsei. Datuk Seri Idris Jusoh: Men-



teri di Jabatan Perdana Menteri, Senatoi Datuk Seri Abdui Wahid Omai dan Menteii Besai Johoi, DatulCSeri Mohamed Khaied Noidin.

Dalam mesyuarat itu yang di-adakan sempena lawatan kerja Perdana Menteri ke Peitubuhan Bangsa-Bangsa Beisatu (PBB), Najib memberitahu GSIAC bahawa kesejahteraan negaia dan kebaji-kan rakyat sentiasa menjadi kepri-hatian dan keutamaannya.

Najib beikata, laluan untuk Ma-laysia mencapai sepenuhnya status negaia maju tidak selalunya iancai

dan mudah serta penuh cabaran. "Walaupun kita hidup pada zaman inovasi teknologi yang hebat, dengan pendapatan tinggi dan peluang yang ^ertambah, kita masih iagi tertakluk kepada faktor ekonomi giobai yang sukar diramaikan yang kita tidak dapat mengawalinya.

"Situasi ekonomi semasa yang meruap yang kita hadapi di Malaysia dan seluruh dunia sekarang adalah salah satu contohnya," kata beliau.

Menurut Perdana Menteri, modei pertumbuhan Malaysia telah memberikan hasii yang cemerlang

tetapi ia dicapai sebahagiannya kerana faktor sikap.

"Kita mencapai semua kejayaan itu kerana kita sanggup menilai prestasi kita dengan cara terbuka dan telus, dan membuat penyesuaian apabila keadaan memerlukan," katanya.

Malaysia, tegas Najib, sentiasa cuba mengimbangi antara ekonomi modal dan ekonomi rakyat, antara pengurusan ekonomi daripada perspektif makro dan ekonomi berorientasikan rakyat seperti kos sara hidup, pendapatan isi rumah dan lain-iain tema ekonomi.

Perdana Menteri percaya bahawa dari segi perspektif teoriti-kai, ekonomi modai dan ekonomi rakyat tidak dapat dipisahkan dan ia wujud dalam satu hubungan simbiotik.

Katanya, Malaysia telah memberi penekanan kepada kedua-dua aspek ekonomi itu dalam program ekonomi lima tahun Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11) bertemakan Pertumbuhan Berpaksikan Rakyat dengan peruntukan RM260 bilion yang dibentangkan pada Mei iaiu.

- UTUSAN